

29 JUN 2003

Muhyiddin-Keyakinan

PERALIHAN KEPIMPINAN AKAN BERLAKU SECARA TERTIB, KATA MUHYIDDIN

KOTA KINABALU, 29 Jun (Bernama) -- Naib Presiden Umno Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata andaian kononnya akan berlaku huru-hara politik dan ekonomi di negara ini berikutan peralihan kepimpinan dalam kerajaan sebagai sesuatu yang sengaja ditimbulkan pihak tertentu untuk menghakis keyakinan terhadap kerajaan.

Beliau berkata andaian sedemikian dibuat oleh segelintir pihak yang tidak menyokong kerajaan dan tidak peka akan hakikat bahawa rakyat negara ini memberi keyakinan penuh kepada kepimpinan negara.

"Sejarah menunjukkan bahawa peralihan kepimpinan negara sedikit pun tidak menjejaskan malah ia mempertingkatkan lagi urusan kerajaan untuk membela nasib rakyat...dari zaman Tunku Abdul Rahman hinggalah kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, apa yang berlaku ialah negara kita bertambah maju," kata Muhyiddin kepada pemberita di sini.

Beliau diminta mengulas jaminan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bahawa peralihan teraju kepimpinan dalam parti dan negara tidak akan menimbulkan huru-hara politik dan ekonomi kerana semua pihak sudah memberi sokongan padu kepada kepimpinan baru.

Sebelum itu, Muhyiddin yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna merasmikan konvensyen sukarelawan pemantau harga peringkat negeri.

Sementara itu, Muhyiddin yang diminta mengulas pertemuannya dengan bahagian-bahagian Umno di Sabah, berkata beliau telah menyampaikan mesej untuk memperkuat parti.

"Saya memberitahu mereka bahawa inilah masa paling sesuai untuk memperkuat parti, mengelakkan perselisihan dan menumpukan perhatian kepada pilihan raya akan datang.

"Saya juga menyentuh soal perlunya mempertingkatkan kegiatan di peringkat akar umbi, menjadikan parti benar-benar mesra rakyat, serta perlunya menyelesaikan isu-isu tertangguh berkaitan projek yang dijanjikan kepada rakyat," kata beliau.

-- BERNAMA

JS PR